JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

MUKADIMAH KAEDAH FIQHIYYAH

Fauwaz Fadzil

SUMBANGAN MAIPs

© 2024, Jabatan Mufti Negeri Perlis

Cetakan Pertama 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau selainnya sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Atur H*uruf* & Reka Letak:

RUMAH REKA
PT 3776-1, Jalan Padang Siding,
Kg. Kuala Tunggang, 02600 Arau, Perlis
Tel : +60 17-555 2914 / +60 13-447 5815

Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Blok A,
Banggunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-979 4428
Fax : 04-979 3844

ISI KANDUNGAN

Mukadimah 1
Jumlah Kaedah Fiqhiyyah dalam Mazhab Syafii 3
Definisi Kaedah Fiqhiyyah 6
Perbezaan Antara Kaedah Dengan Dhabit (ضابط) 7
Pembahagian Fiqah 8
Kepentingan mempelajari Kaedah Fiqah 10
Kepentingan Kaedah Fiqah dalam Mengeluarkan Hukum Kontemporari 11

Kaedah Pertama: الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا 12
Huraian Kaedah 12
Sebab diwajibkan Niat 13
Tidak Diwajibkan Ikhlas dalam Ibadat 13
Syarat Sah Niat 14
Kaedah Lain Yang Terikat dengan Kaedah الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا 15

Kaedah Kedua: اليَقِيْنُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِ 17
Huraian Kaedah 17
Dalil yang Membuktikan Kaedah Ini 17
Pengecualian Kaedah 19
Kaedah yang terikat dengan Kaedah اليَقِيْنُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِ 20
Aplikasi Kaedah 21

Kaedah Ketiga: الضَرَرُ يُزَالُ 24
Huraian Kaedah 24
Dalil Kaedah الضَرَرُ 24
Cabang Kaedah لَا ضَرَرُ 27
Aplikasi Kaedah Terhadap Isu Fiqah 28

Kaedah Keempat: المَشَقَّةُ تَجلِبُ الْتَيْسِيْرَ 29
Pengertian المَشَقَّةُ 29
Dalil Kaedah 29
Syarat-syarat المَشَقَّةُ 31
Contoh Pengaplikasian Kaedah المَشَقَّةُ 32
Cabang Kaedah daripada
المَشَقَّةُ تَجلِبُ الْتَيْسِيْرَ: الضَّرُوْرَاتُ تُبِيْحُ 32
Syarat kepada Kaedah Ini 33
Bilakah Seseorang Itu Boleh Mengambil Lebih daripada Kadar? 34
Contoh Fiqah yang Terhasil daripada Kaedah الضَّرُوْرَاتُ 34

Kaedah Kelima: العَادَةُ مُحَكَّمَةٌ 36
Huraian Kaedah 36
Dalil Terhadap Kaedah العَادَةُ 36
Perbezaan antara Adat dengan Ijma 37
Syarat Beramal dengan العَادَةُ 37
Contoh Aplikasi Kaedah Terhadap Isu Fiqah 38
Furu' Kaedah 39
Peringatan Penting 41
Percanggahan antara Syarak dengan Uruf 42

Senarai Rujukan 43

TITAH PERUTUSAN
DYTM TUANKU
RAJA MUDA PERLIS

TITAH PERUTUSAN
DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS
MERANGKAP YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)

MUKADIMAH KAEDAH FIQHIYYAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Beta dapat menyampaikan perutusan ringkas di dalam buku: *Mukadimah Kaedah Fiqhiyyah* tulisan YBhg Ustaz Fauwaz Bin Fadzil.

Setinggi tinggi tahniah Beta ucapkan kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis atas usaha menerbitkan buku ini. Ucapan tahniah juga Beta lontarkan kepada YBhg Ustaz Fauwaz Fadzil, penulis buku ini, yang juga merupakan kalangan ilmuwan di negara kita.

Sekalung penghargaan turut Beta ucapkan kepada Majlis Agama lslam dan Adat lstiadat Melayu Perlis, atas inisiatif pemberian dana tajaan bagi tujuan pendidikan, khususnya dana dalam menerbitkan buku ini.

Sesungguhnya penerbitan buku ini merupakan satu sumbangan kepada masyarakat, terutama kepada rakyat di Negeri Perlis. Buku ini merupakan sebuah karya dalam membincangkan ilmu *Qawaid Fiqhiyyah*, iaitu

perbincangan berkaitan kaedah-kaedah feqah dalam mengeluarkan sesebuah hukum baharu dengan melihat kepada kesamaan illah pada hukum asal.

Beta merasakan ilmu *Qawaid Fiqhiyyah* ini wajar untuk dipelajari dan difahami oleh para penuntut ilmu, supaya peredaran ilmu fiqah tidak dilihat terbatas kepada hukum-hakam sedia ada semata, tetapi perlu kepada *ijtihad* baharu selaras dengan peredaran zaman dan cabaran semasa.

Beta seterusnya menyeru kepada seluruh umat lslam agar memastikan setiap amalan yang dilakukan mempunyai sandaran yang jelas dan bertepatan dengan sumber autentik dari al- Quran dan al-Sunnah.

Akhir titah, Beta mendoakan semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT, lnsyaAllah.

Amin Ya Rabbal'Alamin

Sekian, wassalam.

DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL
D.K., S.P.M.P., P.A.T
RAJA MUDA PERLIS

Termaktub di lstana Arau,
Arau, Perlis.
Malaysia.
Tarikh : 13 oktober 2023

MUKADIMAH KAEDAH FIQHIYYAH

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang menurunkan syariat penuh keadilan dan menjadikan ulama sebagai penerajunya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda SAW dan para sahabat.

Ilmu kaedah *fiqhiyyah* ialah satu ilmu yang sangat penting kepada seorang faqih, mufti atau kadi. Hal ini kerana dengan menguasai ilmu kaedah *fiqhiyyah*, seseorang itu mampu untuk mengeluarkan hukum yang baharu berdasarkan isu yang disebutkan dalam kitab fiqah lama berdasarkan *illah* yang sama. Operasi ini dinamakan dalam ilmu usul fiqah sebagai قِيَاسُ الفَرْعِ عَلَى الفَرْعِ. Al-Suyuti menyatakan dalam kitabnya, *Al-Asybah wa al-Nazhair*:

وَبِهِ يُقْتَدَرُ عَلَى الإِلْحَاقِ وَالتَّخْرِيْجِ وَمَعْرِفَةِ أَحْكَامِ الْمَسَائِلِ الَّتِي لَيْسَتْ بِمَسْطُوْرَةٍ وَالْوَقَائِعِ وَالْحَوَادِثِ الَّتِيْ لَا تَنْقَضِيْ عَلَى مَمَرِّ الزَّمَانِ

Ertinya: *"(Dengan ilmu aysbah ini), seseorang itu mampu untuk melakukan amaliah qias dan takhrij, dia mampu untuk mengenal hukum terhadap isu yang tidak ditulis dalam kitab, mengenal hukum pada setiap peristiwa dan kejadian yang tidak akan terhenti berlaku sepanjang zaman."*

Hal ini kerana seseorang yang mempelajari ilmu fiqah tanpa mengetahui kaedah fiqah, sumbangannya terbatas pada perkara berkaitan dengan yang termaktub dalam kitab. Namun begitu, apabila ditanya tentang isu semasa, individu itu tidak mampu untuk menjawab persoalan tersebut kerana mindanya hanya terbatas dengan perkara yang termaktub dalam kitab. Keadaan sedemikian tidak mencapai *maqasid* dalam pembelajaran ilmu syariah yang menginginkan seseorang faqih mampu menjawab persoalan yang tidak termaktub dalam kitab.

Oleh itu, dengan rasa tanggungjawab saya cuba menghimpunkan lima kaedah penting dalam Mazhab Syafii untuk dijadikan *madkhal* sebagai pembuka cara kepada golongan yang mencari jalan memahami fiqah dengan lebih tersusun sebelum menerokai ilmu ini dengan lebih mendalam selepas membaca risalah kecil ini.

JUMLAH KAEDAH FIQHIYYAH DALAM MAZHAB SYAFII

Dengan meneliti kaedah yang dikumpulkan oleh al-Suyuti dalam kitab *Al-Asybah wa al-Nazhair*, penulis mendapati bahawa terdapat 65 kaedah yang diguna pakai oleh Mazhab Syafii dalam menghasilkan fiqah mereka. Al-Suyuti membahagikan semua kaedah fiqah ini kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama ialah *Qawaid kubra*, iaitu kaedah terbesar yang mempunyai lima kaedah fiqah. Kelima-lima kaedah tersebut akan dibicarakan dalam buku kecil ini, insya-Allah. Lima kaedah ini ialah kaedah yang disepakati oleh empat mazhab. Kaedah tersebut ialah:



Bahagian kedua merupakan kaedah yang diletakkan sebagai kaedah sederhana. Kata al-Suyuti:

فِيْ قَوَاعِدَ كُلِّيَّةٍ يَتَخَرَّجُ عَلَيْهَا مَا لَا يَنْحَصِرُ مِنَ الْجُزْئِيَّةِ

Ertinya: *"Kepada kaedah-kaedah umum yang terbina di atasnya pelbagai isu fiqah yang tidak dapat dihitung."*

Bahagian ini mempunyai 40 kaedah fiqah. Namun begitu, tidak dibahaskan di sini kerana buku kecil ini hanya memuatkan lima kaedah utama sahaja. Antara contoh kaedah tersebut adalah seperti berikut:

الِاجْتِهَادُ لَا يُنْقَضُ بِالْاِجْتِهَادِ

Ertinya: *"Ijtihad lama tidak dibatalkan dengan ijtihad yang baharu."*

مَاحَرُمَ اسْتِعْمَالُهُ حَرُمَ اتِّخَاذُهُ

Ertinya: *"Sesuatu benda yang haram diguna, haram disimpan."*

النَّفْلُ أَوْسَعُ مِنَ الْفَرْضِ

Ertinya: *"Konsep sunat lebih luas daripada wajib."*

Contoh-contoh ini ialah sebahagian kecil daripada 40 kaedah yang disebutkan oleh al-Suyuti dalam kitabnya, *Al-Asybah wa al-Nazhair*.

Bahagian ketiga ialah kaedah yang berlaku khilaf dalam kalangan ulama mazhab melibatkan 20 kaedah. Oleh itu, keseluruhannya terdapat 65 kaedah.

Buku kecil ini tidak disusun dalam bentuk akademik dan ilmiah, sebaliknya disusun dalam bentuk yang santai dan mudah agar dapat mendekati golongan-golongan yang tidak terdedah dengan ilmu-ilmu syariah secara mendalam. Cukuplah sekadar mereka dapat mengetahui secara am dan mengikut keperluan agama mereka.

Mudah-mudahan dengan penerbitan buku kecil ini dapat membantu para penuntut ilmu memahami kaedah fiqah Mazhab Syafii dengan baik, seterusnya membuka pintu kepada usaha memahami kaedah fiqah mazhab yang lain.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis khususnya Sahibus Samahah Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin atas kesudian pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis untuk mencetak buku kecil ini. Semoga Allah SWT membalas jasa serta sumbangan Sahibus Samahah dan pihaknya.

DEFINISI KAEDAH FIQHIYYAH

Kaedah ditakrifkan sebagai

الأَمْرُ الكُلِّيُّ المُنْطَبِقُ عَلَى جَمِيْعِ جُزْئِيَّاتِهِ

Ertinya: *"Satu teori umum yang teraplikasi ke atas seluruh cabangnya."*

Namun begitu, kaedah dalam fiqah teraplikasi terhadap kebanyakan isu. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa isu fiqah yang terkeluar daripada kaedah tersebut dan dimasukkan dalam kaedah lain walaupun isu itu kelihatan seperti sama dengan isu-isu yang di bawah kaedah tersebut. Berkata Imam al-Suyuti:

المُتَّحِدَةُ صُوْرَةً وَمَعْنًى، المُخْتَلِفَةُ عِلَّةً وَحُكْمًا

Ertinya: *"Berlaku persamaan dari aspek rupa dan hikmah, namun berbeza dari aspek illah dan hukum."* [1]

Oleh yang demikian, seseorang faqih atau pengkaji fiqah sangat berhajat memahami sesuatu isu dengan mendalam agar tidak terkeliru dengan isu yang hampir sama, namun mempunyai *illah* dan hukum yang berlainan walaupun pada zahirnya perkara tersebut nampak hampir sama.

1 Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Nazhair*, cetakan Darul Salam, hlm. 58.

PERBEZAAN ANTARA KAEDAH DENGAN DHABIT (ضابط)

Ulama fiqah menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara kaedah dengan *dhabit* walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan, iaitu menghimpunkan hukum-hakam fiqah.

Antara perbezaannya:

1. Kaedah menghimpunkan masalah fiqah daripada pelbagai bab. Contohnya, kaedah *al-umuru bimaqasidiha*
2. Mengumpulkan masalah fiqah daripada pelbagai bab seperti bersuci, solat, puasa dan sebagainya.

   Dhabit mengumpulkan masalah fiqah dalam satu bab sahaja.

Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa hubungan antara kaedah dengan *dhabit* bersifat umum dan khusus atau istilah mantiknya, العُمُوْمُ وَالخُصُوْصُ المُطْلَقُ. Setiap *dhabit* ialah kaedah, namun bukan semua kaedah ialah *dhabit*.

PEMBAHAGIAN FIQAH

Fiqah terbahagi kepada beberapa bab dan bahagian:[2]

1. Hukum bersuci, ibadat serta perkara yang berhubung dengan kedua-dua bab ini seperti nazar dan kafarah.

2. Hukum kekeluargaan seperti perkahwinan, talak, nafkah, idah, wasiat dan faraid.

3. Hukum muamalat seperti jual beli, syarikat, sewaan, cagaran, hibah dan sebagainya.

4. Hukum pemerintahan atau politik Islam seperti sistem pemerintahan, kewajipan pemerintah, hak pemerintah dan hubungan antara pemerintah dengan rakyat.

5. Hukuman yang berkaitan dengan jenayah seperti hudud, qisas dan takzir.

6. Jihad dan peperangan, hubungan diplomasi hingga bab berperang dan berdamai.

7. Pengurusan harta kenegaraan.

8. Perundangan dan kehakiman.

Beberapa bab baharu dalam fiqah boleh ditambah untuk para ahli dan penuntutnya memberi perhatian dalam perbahasan tersebut, antaranya:

2 Muhammad Mustafha al-Zuhaili, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 14.

1. Fiqah hiburan dan sukan.
2. Fiqah perbankan.
3. Fiqah alam sekitar.
4. Fiqah perubatan.
5. Fiqah pelancongan.

Sebahagian daripada pembahagian fiqah moden ini juga terikat dengan kaedah-kaedah fiqah.

KEPENTINGAN MEMPELAJARI KAEDAH FIQAH

Mempelajari ilmu kaedah fiqah mempunyai beberapa kepentingan dan peranan, antaranya:

1. Menjaga dan menyusun *furu'* fiqah yang bertaburan. Imam al-Qarafi menyatakan dalam kitabnya yang agung, *Al-Furuq*:

مَنْ ضَبَطَ الفِقْهَ بِقَوَاعِدِهِ اسْتَغْنَى عَنْ حِفْظِ أَكْثَرِ الجُزْئِيَّاتِ لِانْدِرَاجِهَا فِي الكُلِّيَّاتِ

Ertinya: "*Sesiapa yang mengikat fiqah dengan kaedah-kaedahnya, dia tidak berhajat kepada menghafaz kebanyakan furu' fiqah kerana tersangkut dalam kaedah-kaedah yang umum.*"

1. Membentuk *malakah fiqh* dalam jiwa seorang faqih atau pelajar yang menjadikannya mampu untuk mengistinbatkan hukum bersesuaian dengan kes dan kejadian baharu.

2. Mampu memahami punca persamaan masalah-masalah fiqah yang dihimpunkan di bawah satu kaedah tertentu.[3]

3 Muhammad Mustafha al-Zuhaili, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 18 – 19.

KEPENTINGAN KAEDAH FIQAH DALAM MENGELUARKAN HUKUM KONTEMPORARI

Walaupun penghujahan dengan kaedah fiqah menjadi perselisihan dalam kalangan ulama, namun secara realitinya hampir kebanyakan ulama berhujah dengan kaedah fiqah dalam isu baharu. Hal ini dinyatakan oleh Dr. Ismail Muhammad Misy'al dalam kitabnya, *Atharul Khilaf al-Fiqhi fi al-Qawaid al-Mukhtalaf fiha*.[4]

Para ulama syariah tidak terlepas daripada mendalami ilmu ini kerana ilmu ini menjadikan mereka lebih berkemampuan untuk ke hadapan, berbincang isu yang tidak disebut dalam kitab, namun mempunyai *illah* yang sama di*takhrij* dan di*qias*kan.

4 Ismail Muhammad Misy'al, *Atharul Khilaf al-Fiqhi fi al-Qawaid al-Mukhtalaf fiha*, (Cetakan Darul Salam), hlm. 232.

KAEDAH PERTAMA: الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا
(SETIAP PERBUATAN BERGANTUNG KEPADA NIATNYA)

Kaedah pertama yang dimulakan oleh Imam al-Suyuti ialah kaedah agung yang disepakati oleh semua empat mazhab, iaitu *al-umuru bimaqasidiha*.

Huraian Kaedah

Al-umuru bererti perbuatan yang merangkumi perbuatan hati, lisan dan anggota badan. *Maqasid* ialah jamak kepada *maqsad*, iaitu niat atau tujuan. *Maqsad* ialah masdar yang sama erti dengan *qasad*.

Kaedah ini bersumberkan hadis yang masyhur daripada Umar bin al-Khattab r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِءٍ مَا نَوَى

> **Ertinya:** *"Sesungguhnya setiap amalan bergantung pada niat dan bagi setiap orang itu bergantung pada apa-apa yang dia niatkan."*

Yang menarik dalam hadis ini adalah pada ayat مَا نَوَى . Ulama yang berhujah dengan kewajipan men*takyin* (تَعْيِين) dalam niat mereka menyatakan bahawa kalimah *ma* itu ialah *makrifah*, iaitu *isim al-mausul* yang membawa kepada kewajipan *takyin*.

Adapun mazhab yang tidak mewajibkan *takyin* seperti Mazhab Hanafi, mereka menganggap kalimah *ma* itu ialah

nakirah yang bererti *syai un* (شَيْءٌ), iaitu tidak mewajibkan *takyin*. Sebagai contoh, dalam masalah niat puasa Ramadan, sama ada wajib men*takyin* bulan Ramadan atau sebaliknya. Oleh itu, dalam isu ini terdapat khilaf dalam kalangan Mazhab Syafii dan Mazhab Hanafi.

Sebab Diwajibkan Niat

Al-Suyuti dalam kitabnya, *Al-Asybah wa al-Nazhair* menyatakan dua sebab disyariatkan niat:[5]

1. Disyariatkan niat adalah untuk membezakan antara ibadat dengan adat. Misalnya, orang tidak makan, kemungkinan dia tidak makan kerana berpuasa atau ingin menguruskan badannya. Oleh itu, niat yang dapat membezakan antara kedua-duanya.

2. Bagi membezakan kedudukan ibadat seperti solat fardu subuh dan solat sunat fajar. Hal ini dikatakan demikian kerana solat sunat fajar dilaksanakan dua rakaat sama seperti solat fardu subuh. Oleh itu, yang membezakan antara kedua-duanya ialah niat kerana tanpa niat, kedua-dua solat tersebut adalah sama pada gambarannya.

Tidak Diwajibkan Ikhlas dalam Ibadat

Satu perkara yang kadang-kadang mengelirukan sebahagian golongan ialah perbezaan antara niat dengan ikhlas sehingga menjadikan mereka menunggu kewujudan ikhlas untuk melakukan ibadat atau kewajipan. Sedangkan, ikhlas ialah

5 Al-Suyuti. *Al-Asybah wa al-Nazhair*, cetakan Darul Salam, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 63.

tambahan bagi niat. Tidak akan wujud ikhlas melainkan dengan kewujudan niat. Tambahan pula, kewujudan niat adalah bersama-sama amalan dan perbuatan.

Oleh yang demikian, didapati bahawa ulama secara keseluruhannya menyatakan bahawa tidak disyaratkan kesahihan ibadat berlaku dengan kewujudan ikhlas, namun ia merupakan syarat untuk mendapatkan pahala di sisi Allah SWT.

Syarat Sah Niat

Al-Suyuti menyebutkan bahawa terdapat empat syarat sah niat:[6]

1. Islam: Seseorang yang bukan Islam sama ada dia ialah golongan kafir asli atau seorang murtad, segala perlakuan ibadatnya adalah tidak sah. Namun begitu, terdapat pengecualian daripada syarat ini seperti wanita ahli kitab yang mandi wajib untuk bersetubuh dengan suaminya yang Muslim kerana terdapat darurat dan niatnya adalah sah.

2. *Tamyiz*: Tidak sah ibadat kanak-kanak yang belum mencapai tahap mumaiyiz atau yang belum mencapai umur tujuh tahun. Begitu juga dengan orang gila, tidak sah ibadatnya kerana dia lebih teruk keadaannya daripada kanak-kanak tidak mumaiyiz kerana kehilangan akal. Oleh sebab itu, ulama usul mendatangkan satu kaedah yang penting untuk diingati, iaitu:

6 Al-Suyuti. *Al-Asybah wa al-Nazhair*, cetakan Darul Salam, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. j1.

العَقْلُ مَنَاطُ التَّكْلِيفِ

Ertinya: *"Akal merupakan asas kepada pentaklifan."*

3. Mengetahui hal keadaan perbuatan yang diniatkan bertepatan dengan realiti.

العِلْمُ بِالْمَنْوِي مُطَابِقًا لِلْوَاقِعِ

Sekiranya seseorang itu beriktikad bahawa wuduk atau solat yang dilakukan itu adalah sunat, sedangkan ibadat itu adalah wajib, oleh itu ibadatnya tidak sah kerana berlaku percanggahan antara niat dengan realiti.

4. Tidak melakukan perbuatan yang bercanggah dengan niat.

عَدَمُ الْمُنَافِي

Seseorang melakukan perbuatan yang menafikan niat sama ada dalam bentuk pengekalan ibadat atau permulaan ibadat seperti memutuskan iman, iaitu murtad atau niat memutuskan solat ketika sedang mendirikan solat. Kesemua ini membatalkan niat ibadat.

Kaedah Lain yang Terikat dengan Kaedah الأُمُوْرُ بِمَقَاصِدِهَا

Terdapat beberapa kaedah yang berkait dengan kaedah yang dibahaskan, iaitu:

لَا ثَوَابَ وَلَا عِقَابَ إِلَّا بِالنِّيَّةِ وَذَلِكَ فِي العِبَادَاتِ وَالْقُرُبَاتِ

Ertinya: *"Tidak ada pahala dan hukuman melainkan dengan niat dalam urusan ibadat dan ketaatan."*

العِبْرَةُ فِي العُقُوْدِ بِالْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي لَا بِالْأَلْفَاظِ وَالْمَبَانِي

Ertinya: *"Pengiraan syarak dalam kontrak berdasarkan niat dan makna, bukan lafaz."*

الأَصْلُ مُقَارَنَةُ النِّيَّةِ بِالفِعْلِ إِلَّا أَنْ يَتَعَذَّرَ أَوْ يَتَعَسَّرَ فَتَتَقَدَّمُ وَلَا تَتَأَخَّرُ

Ertinya: *"Kaedah asas ialah niat berserta perbuatan (seperti niat dan takbiratulihram), melainkan terdapat keuzuran atau kesusahan, niat diawalkan, tidak dilewatkan."*

KAEDAH KEDUA: KAEDAH اليَقِيْنُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ
(KEYAKINAN TIDAK DIGUGURKAN DENGAN SYAK)

Huraian Kaedah

اليَقِيْنُ dari sudut bahasa bererti sesuatu yang tenang di hati. الشَّكُّ pula dari sudut bahasa ialah keraguan terhadap dua perkara yang berlawanan.

Dari sudut istilah *fuqaha*, الشَّكُّ bererti keraguan antara berlakunya perbuatan atau tidak berlaku perbuatan. Contohnya, seseorang syak pada rakaatnya, sama ada dia sudah melakukan rakaat keempat atau sebaliknya.

Pengertian kaedah ini ialah sesuatu perbuatan yang berlaku secara yakin, tidak dapat diangkat melainkan dengan dalil yang *qatie* atau keyakinan. Hal ini kerana rasa yakin tidak diangkat dengan kewujudan syak.

Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai wuduk pada waktu zohor, apabila masuk waktu asar, dia meragui wuduknya. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah ini, wuduknya masih kekal kerana wuduknya berlaku dengan yakin dan hadas timbul secara syak sahaja. Jadi, syak pada hadas itu tidak membatalkan keyakinan pada wuduk.

Dalil yang Membuktikan Kaedah Ini

Al-Quran:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِمَا يَفۡعَلُونَ ٣٦

Ertinya: *"Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktiqad). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan."*

(Surah Yunus 10: 36)

Al-*Sunnah*:

Hadis riwayat Muslim, iaitu Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ فِي بَطْنِهِ شَيْئًا فَأَشْكَلَ عَلَيْهِ أَخَرَجَ مِنْهُ شَيْءٌ أَمْ لَا؟ فَلَا يَخْرُجَنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيْحًا

Ertinya: *"Apabila seseorang daripada kamu berasa di dalam perutnya sesuatu, maka keadaan itu meragukannya sama ada angin keluar atau tidak. Maka, janganlah dia keluar daripada masjid sehingga dia mendengar bunyi angin atau merasai angin keluar."*

(Riwayat Muslim)

Inilah sebahagian daripada dalil yang menunjukkan kewujudan kaedah yang penting ini.

Pengecualian Kaedah

Secara asasnya, hukum tidak dibina atas syak tetapi terhadap beberapa hukum apabila berlaku syak. Antaranya:

1. Seseorang yang bermusafir, berlaku syak dalam niatnya sama ada dia berniat solat sempurna atau qasar, ketika itu dia wajib menunaikan solat secara sempurna.

2. Baju yang terkena najis tetapi tidak diyakini bahagian baju yang terkena najis tersebut, baju itu wajib dibasuh keseluruhannya.

3. Seseorang yang bertayamum, kemudian melihat sesuatu tetapi dia tidak pasti sama ada air atau fatamorgana, dalam kaedah ini, tayamumnya terbatal.

4. Seseorang memanah haiwan, lalu terkena haiwan tersebut, akan tetapi haiwan itu hilang. Kemudian, dia menjumpai haiwan tersebut telah mati dan dia syak sama ada haiwan itu mati kerana terkena tembakan yang lain atau sebaliknya, dia tidak boleh memakan haiwan tersebut.

Inilah sebahagian daripada contoh hukum yang terbina atas syak atau dengan kata yang lain, sesuatu keyakinan gugur hukumnya dengan kewujudan syak.

Kaedah yang Terikat dengan Kaedah اليَقِيْنُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ

Terdapat kaedah yang muncul daripada kaedah ini:

الأَصْلُ بَقَاءُ مَا كَانَ عَلَى مَا كَانَ

Ertinya: *"Kaedah asal adalah dengan mengekalkan sesuatu yang ada berdasarkan sesuatu yang lepas."*

الأَصْلُ بَرَاءَةُ الذِّمَّةِ

Ertinya: *"Kaedah asal seseorang bebas dari tanggungjawab."*

الأَصْلُ فِي كُلِّ حَادِثٍ تَقْدِيْرُهُ بِأَقْرَبِ زَمَنٍ

Ertinya: *"Kaedah asal pada setiap kes yang berlaku disukat dengan zaman yang paling dekat."*

مَا ثَبَتَ بِيَقِيْنٍ لَا يَرْتَفِعُ إِلَّا بِيَقِيْنٍ

Ertinya: *"Sesuatu perbuatan yang sabit dengan yakin, maka tidak terangkat melainkan dengan perbuatan yang yakin juga."*

الأَصْلُ فِي الأَشْيَاءِ الإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيْلُ عَلَى التَّحْرِيْمِ

Ertinya: *"Asal sesuatu perkara adalah harus sehingga terdapat dalil pengharaman."*

الأَصْلُ فِي الْأَبْضَاعِ التَحْرِيْمُ

Ertinya: *"Kaedah asal dalam kemaluan wanita adalah haram."*

Aplikasi Kaedah

Inilah sebahagian kaedah yang muncul daripada kaedah asas الْيَقِيْنُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ. Dua kaedah tersebut ialah:

Kaedah الأَصْلُ فِيْ الأَشْيَاءِ الإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيْلُ عَلَى التَحْرِيْمِ

Sekiranya kaedah ini dibawa dalam ilmu usul, akan dibahaskan dalam dalil al-Istishab. Namun begitu, di sini kita huraikan kaedah mengikut tabiat kaedah fiqah, iaitu menyatakan perkara-perkara yang baharu wujud, tidak ada nas yang menerangkan sifat hukumnya sama ada harus atau haram. Oleh itu, hukumnya adalah harus dan boleh digunakan atau dilaksanakan kerana kaedah dalam mazhab Syafii haram berhajat pada dalil. Bagi kaedah ini, al-Suyuti memberi contoh seperti:[7]

1. Haiwan yang terdapat kekeliruan pada keadaannya, pendapat yang terkuat dalam kalangan ulama mazhab ialah haiwan tersebut adalah halal.

7 Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Nazhair*, cetakan Darul Salam, hlm. 166.

2. Terdapat khilaf dalam kalangan ulama Mazhab Syafii bagi tumbuhan yang tidak diketahui namanya. Pendapat yang dipilih oleh al-Nawawi adalah harus.

3. Zirafah halal mengikut pandangan yang terkuat kerana tidak mempunyai gigi taring yang mencengkam.

Pembetulan Penting

Al-Suyuti dalam kitabnya, *Al-Asybah wa al-Nazhair* telah mensabitkan bahawa kaedah الأَصْلُ فِيْ الأَشْيَاءِ الإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَلِيْلُ عَلَى التَحْرِيْمِ kepada mazhab Abu Hanifah adalah tidak tepat. Hal ini kerana apabila dirujuk kepada beberapa kitab mereka, terbukti bahawa kaedah mereka adalah sama. Yang tepatnya, kaedah ini adalah daripada mazhab Zahiriah yang menyatakan semua benda baharu adalah haram.[8]

Kaedah الأُصْلُ فِي الْأَبْضَاعِ الْتَحْرِيْمُ

Kaedah ini menerangkan perkara yang berlaku pertembungan dalam urusan melibatkan kemaluan wanita. Contohnya, percampuran antara wanita yang dihalalkan berkahwin dengan wanita yang diharamkan berkahwin seperti saudara perempuan susuannya sehingga tidak dapat ditentukan wanita yang dihalalkan berkahwin. Oleh itu, hal ini lebih diutamakan aspek pengharaman. Pengharaman ini berlaku apabila wujud di perkampungan yang kecil. Namun begitu, sekiranya berlaku di sebuah negara yang besar, kaedah ini tidak diaplikasikan.

8 Saaduddin Mus'ad Hilali, *Al-Basmah al-Wirathiah*, cetakan Maktabah Wahbab, hlm. 99.

Al-Fadani menyebutkan dalam kitab *Al-Fawaid al-Janiah* juzuk 2 halaman 205 bahawa maksud *al-asyak* di sini ialah perkara yang berlaku selepas pengutusan Muhammad SAW sebagai nabi yang merangkumi perkataan, perbuatan dan sebagainya adalah harus, iaitu dibolehkan. Hal ini kerana terdapat manfaat untuk dilakukan perbuatan tersebut, melainkan perkara yang bersifat wajib atau sunat disebabkan terdapat nas yang jelas terhadap penerangan hukum tersebut (wajib atau sunat).

Kaedah ini berkaitan dengan perkara atau benda yang tidak mempunyai hukum yang jelas daripada wajib atau sunat tetapi mempunyai manfaat. Oleh itu, hukum perkara itu adalah harus. Contoh yang dapat diberikan adalah seperti hukum membuat kereta. Perkara ini ialah benda baharu dan mempunyai manfaat, maka hukumnya adalah harus. Begitu juga penggunaan DNA adalah harus kerana terdapat manfaat dalam dunia perubatan dan undang-undang berdasarkan kaedah ini seperti penasaban anak bagi menggantikan kaedah *qiafah*.

KAEDAH KETIGA: الضَرَرُ يُزَالُ (KEMUDARATAN DIBUANG)

Huraian Kaedah

Kemudaratan ialah sesuatu yang wajib dibuang dan dielakkan kerana merupakan kezaliman dan pengkhianatan. Kaedah ini bersifat *qatie* dan diijmakkan oleh ulama, walaupun terdapat khilaf pada kesahihan hadis ini.

Dalil Kaedah الضَرَرُ

Disebutkan beberapa dalil yang menunjukkan pensabitan kaedah ini.

Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ إِذَا تَدَايَنتُم بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَّيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلاَ يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللّهَ رَبَّهُ وَلاَ يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئاً فَإِن كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهاً أَوْ ضَعِيفاً أَوْ لاَ يَسْتَطِيعُ أَن يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُواْ شَهِيدَيْنِ من رِّجَالِكُمْ فَإِن لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاء أَن تَضِلَّ إْحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الأُخْرَى وَلاَ يَأْبَ الشُّهَدَاء إِذَا مَا دُعُواْ وَلاَ تَسْأَمُوْاْ أَن تَكْتُبُوْهُ صَغِيراً أَو

كَبِيراً إِلَى أَجَلِهِ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِندَ اللّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَى
أَلاَّ تَرْتَابُواْ إِلاَّ أَن تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ
فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلاَّ تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُواْ إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلاَ
يُضَآرَّ كَاتِبٌ وَلاَ شَهِيدٌ وَإِن تَفْعَلُواْ فَإِنَّهُ فُسُوقٌ بِكُمْ وَاتَّقُواْ
اللّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللّهُ وَاللّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Ertinya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika*

yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Al-*Sunnah*:

Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Ertinya: "*Tidak ada kemudaratan kepada diri sendiri dan tidak ada kemudaratan ke atas orang lain.*"
(Riwayat Malik, al-Hakim dan al-Baihaqi)[9]

Cabang Kaedah لَا ضَرَرَ

Dinyatakan beberapa cabang kaedah daripada kaedah ketiga ini:[10]

الضَّرَرُ يُزَالُ

Ertinya: "*Kemudaratan wajib dibuang seperti mendera manusia.*"

الضَّرَرُ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الإِمْكَانِ

Ertinya: "*Kemudaratan dibuang sekadar termampu.*"

الضَّرَرُ لَا يُزَالُ بِمِثْلِهِ

Ertinya: "*Kemudaratan tidak dibuang dengan kemudaratan yang sama dengannya.*"

دَرْءُ المَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ المَصَالِحِ

Ertinya: "*Membuang kerosakan diutamakan daripada mendapatkan maslahah.*"

9 Kedudukan hadis adalah hasan. Ibnu Majah meriwayatkan hadis ini secara *musnad*.
10 Muhammad Mustafha al-Zuhaili, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 57.

Aplikasi Kaedah Terhadap Isu Fiqah

1. Kewajipan mengembalikan barang aib (*defect*).
2. Pelaksanaan qisas untuk membanteras jenayah bunuh.
3. Mengganti rugi terhadap barang yang dirosakkan.
4. Mempertahankan diri daripada dirogol atau dicabul.

KAEDAH KEEMPAT: المَشَقَّةُ تَجْلِبُ الْتَيْسِيْرَ
(BEBANAN MENGHASILKAN KEMUDAHAN)

Kaedah ini dianggap antara kaedah induk dalam kaedah *fiqhiyyah*. Kaedah ini merupakan kaedah kepada wujud keringanan dalam hukum. Dalam syariat, bebanan atau *haraj* ditolak oleh syarak seperti yang dinyatakan oleh al-Syatibi dalam *Al-Muwafaqat*. Hal ini merupakan satu kesepakatan daripada ulama.

Pengertian المَشَقَّةُ

الْمَشَقَّةُ dari sudut bahasa bermaksud bebanan yang berat di luar kebiasaan. Natijahnya, apabila sesuatu perbuatan itu terdapat bebanan terhadap mukalaf, bebanan tersebut menuntut kelonggaran dalam syariat untuk sentiasa berada di bawah payungan syariat. Kelonggaran atau kemudahan itu diberikan sama ada dalam bentuk hukum itu diangkat secara menyeluruh, diangkat secara juzuk atau berpindah kepada hukum yang lebih mudah.

Dalil Kaedah

Terdapat banyak ayat al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW yang menunjukkan kesahihan kaedah ini. Antaranya:

Firman Allah SWT dalam ayat 185 Surah al-Baqarah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِيْٓ اُنْزِلَ فِيْهِ الْقُرْاٰنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنٰتٍ
مِّنَ الْهُدٰى وَالْفُرْقَانِۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُۗ وَمَنْ

كَانَ مَرِيْضًا اَوْ عَلٰى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ اَيَّامٍ اُخَرَ ۗيُرِيْدُ اللّٰهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيْدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ۖوَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللّٰهَ عَلٰى مَا هَدٰىكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ ﴿١٨٥﴾

Ertinya: *"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.."*

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ الدِّيْنَ يُسْرٌ

Ertinya: *"Sesungguhnya agama Allah ini mudah (Baginda mengulang sebanyak tiga kali)."*[11]

(Riwayat Ahmad)

Syarat-syarat الْمَشَقَّةُ

Muhammad al-Zuhaili menyebutkan empat syarat asasi yang menjadikan الْمَشَقَّةُ itu punca kepada kelonggaran hukum, iaitu:[12]

1. الْمَشَقَّةُ tersebut tidak bertembung dengan nas syariat.

2. الْمَشَقَّةُ tidak melebihi keadaan الْمَشَقَّةُ yang biasa. Hal ini kerana الْمَشَقَّةُ yang sering berlaku tidak dianggap memberi kesan pada hukum.

3. الْمَشَقَّةُ yang berlaku ialah الْمَشَقَّةُ yang tidak boleh berpisah dengan ibadat seperti sejuk ketika berwuduk.

4. الْمَشَقَّةُ yang berlaku ialah الْمَشَقَّةُ yang tidak boleh berpisah dengan taklif-taklif syarii seperti jihad, kesakitan dalam hudud, merejam orang berzina dan membunuh golongan bughah.

Keempat-empat الْمَشَقَّةُ ini tiada kesan dalam memberi keringanan hukum. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan memberi keringanan akan membawa kepada kecuaian dalam pensyariatan.

11 Riwayat al-Bukhari, hadis no. 145.

12 Muhammad Mustafha al-Zuhaili, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 60.

Contoh Pengaplikasian Kaedah الْمَشَقَّةُ

Terdapat banyak contoh fiqah yang terhasil daripada kaedah ini. Antaranya:

1. Tidak wajib melaksanakan qada solat yang ditinggalkan oleh wanita sewaktu haid.

2. Pengharusan *ba' al-salam*.

3. Tidak ditaklifkan ibadat terhadap kanak-kanak dan orang gila.
4. Meninggalkan solat Jumaat kerana bermusafir.

Cabang Kaedah daripada الضَرُوْرَاتُ تُبِيْحُ الْتَيْسِيْرَ: الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ الْمَحْظُوْرَاتِ **(Keadaan Darurat Mengharuskan Perkara yang Terlarang atau Haram)**

Darurat bererti keadaan yang membawa kepada kematian atau kerosakan anggota badan.

الضَرُوْرَاتُ yang dibahaskan di sini berlainan dengan *daruriat* (الضروريات) dalam ilmu maqasid. الضَرُوْرَاتُ di sini bersifat sementara tempohnya dan hanya boleh diaplikasikan golongan khusus sahaja.

Adapun *daruriat* yang dibahaskan dalam ilmu *maqasid* bersifat umum dan berterusan. Hal ini kerana tanpa penjagaannya, kehidupan manusia akan menjadi pincang seperti kata al-Syatibi dalam *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Syari'ah*:

حَيْثُ إِذَا فُقِدَتْ لَمْ تَجْرِ مَصَالِحُ الدُّنْيَا عَلَى اسْتِقَامَةٍ بَلْ عَلَى فَسَادٍ وَتَهَارُجٍ وَفَوْتِ حَيَاةٍ وَفِي الأُخْرَى فَوْتُ النَّجَاةِ وَالنَعِيْمِ وَالرُّجُوْعُ بِالْخُسْرَانِ الْمُبِيْنَ

Ertinya: *"Apabila hilang penjagaan daruriat, maka maslahah-maslahah tidak berjalan atas istiqamah, sebaliknya berlaku dalam kerosakan, kepincangan, kehilangan kehidupan (yang bahagia), kemudiannya di akhirat gagal mendapat keselamatan, nikmat syurga dan kembali ke akhirat dengan kerugian yang nyata."*[13]

Syarat kepada Kaedah Ini

Para ulama meletakkan beberapa syarat dalam kaedah ini:

1. Jangan sampai perkara yang terlarang itu lebih besar kedudukannya daripada الضَّرُوْرَاتُ. Misalnya, seseorang itu memakan jasad ibunya ketika berlaku kelaparan yang membawa kepada kematian. Jadi, dalam keadaan darurat, tidak diharuskan memakan jasad ibu yang meninggal dunia.

2. Darurat itu hanya mengharuskan sesuatu yang haram pada kadar yang diperlukan, tidak melebihi kadar tersebut. Hal ini kerana sekiranya seseorang itu melebihi pada kadar yang diperlukan, dia dianggap melampau. Contohnya, kadar yang diperlukan hanya segenggam daging khinzir, namun makan sehingga sekilo atau

13 Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Syari'ah*, Jilid 2, (Al-Riyadh: Maktab al-Riyadh al- Haditsah), hlm. 3.

sehingga kenyang dianggap melanggar peraturan darurat yang diharuskan.

Bilakah Seseorang Itu Boleh Mengambil Lebih daripada Kadar?

Imam al-Ghazali menyebutkan satu keadaan yang membolehkan seseorang itu mengambil makanan haram lebih daripada kadarnya, iaitu diharuskan bagi seseorang apabila berhadapan dengan destinasi jauh yang memerlukan makanan yang lebih, ketika itu diharuskan.[14]

Contoh Fiqah yang Terhasil daripada Kaedah الضَّرُوْرَاتُ

Terdapat banyak contoh yang terhasil daripada kaedah ini. Antaranya:

1. Pengharusan mempertahankan diri apabila hendak dibunuh atau dirogol. Sedangkan pada asalnya, seseorang itu tidak boleh mengasari orang lain. Namun begitu, mengasari seseorang atau memukul seseorang untuk mempertahankan nyawa atau kehormatan kerana tidak ada ruang yang lain adalah diharuskan.

2. Pengharusan memakan khinzir apabila menghampiri situasi yang boleh mengakibatkan kematian, sedangkan hukum asal adalah haram. Hal ini kerana nyawa lebih berharga daripada kekotoran najis yang haram dimakan.

14 Al-Ghazali, *Khulasoh al-Mukhtasar wa Naqawah al-Mu'tashar*, (Beirut: Dar al-Minhaj), hlm. 240.

3. Pengharusan mengambil insulin daripada khinzir apabila tidak terdapat insulin bersih yang menyamai kedudukan insulin khinzir bagi pesakit.

4. Pengharusan menderma organ untuk menyelamatkan nyawa dengan memenuhi syarat-syarat pendermaan, iaitu secara asas reda daripada penderma dan tidak memudaratkan penderma tersebut.

KAEDAH KELIMA: العَادَةُ مُحَكَّمَةٌ
(ADAT DIJADIKAN SANDARAN HUKUM)

Huraian Kaedah

Antara kecantikan syariat, menjadikan budaya atau *uruf* sebagai rujukan hukum dalam menerangkan hukum syarii yang asasnya ialah *uruf*, bukannya nas syarii atau daripada kata-kata individu.

Dalil Terhadap Kaedah العَادَةُ

Antara dalil yang menunjukkan penghujahan adat ialah ayat 115 Surah al-Nisa'.

وَمَن يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِن بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَاءتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

Ertinya: *"Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.."*

(Surah al-Nisa' 4: 115)

Selain itu, hadis *mauquf* daripada Ibnu Mas'ud, riwayat daripada Ahmad:

مَا رَأَى الْمُسْلِمُوْنَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ وَمَا رَأَى الْمُسْلِمُوْنَ قَبِيْحًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ قَبِيْحٌ

Ertinya: *"Sesuatu perkara yang dilihat oleh golongan Muslim sebagai baik, maka di sisi Allah adalah baik, apa-apa yang dilihat oleh golongan Muslim itu buruk, maka di sisi Allah itu buruk."* [15]

(Riwayat Ahmad)

Perbezaan antara Adat dengan Ijmak

Secara ringkas dan jelas, adat ini bukan suatu pengamalan yang dilakukan oleh ulama *mujtahid* tetapi perbuatan yang disepakati semua orang atau kebanyakan orang ramai atau merupakan percakapan atau perbuatan.

Ijmak ialah persepakatan para ulama *mujtahid* terhadap isu syarii yang tidak melibatkan golongan bukan *mujtahid*. Oleh itu, sekiranya terdapat persepakatan antara orang ramai dalam suatu amalan dan budaya, perkara sebegitu tidak diterima.

Syarat Beramal dengan العَادَةُ

Secara ringkasnya, syarat utama dalam pengamalan العَادَةُ adalah tidak bercanggah dengan nas syarak, ijmak atau *qias*

15 Hadis ini *mauquf* kepada Ibnu Mas'ud, namun mempunyai sokongan daripada ayat al-Quran dalam Surah al-A'raf ayat 199.

jali. Sekiranya bercanggah dengan syariat, pengamalan dengan adat adalah tertolak. Contohnya, budaya satu negeri itu tidak memakai tudung atau hidangan kepada tetamu ialah minuman keras, budaya tersebut ditolak dan tidak boleh dipraktikkan atas nama العَادَةُ مُحَكَّمَةٌ. Oleh yang demikian, pengamalan dengan العَادَةُ adalah bersyarat, tidak bebas secara mutlak.

Contoh Aplikasi Kaedah Terhadap Isu Fiqah

Imam al-Suyuti menyatakan beberapa contoh fiqah yang meletakkan *uruf* sebagai asas hukum syarak. Antaranya:

1. Perbuatan kadar sedikit dan banyak yang menyanggahi sifat solat. Sekiranya perbuatan itu dianggap sedikit, tidak membatalkan solat. Namun begitu, sekiranya perbuatan tersebut dianggap banyak, membatalkan solat.

2. Pengiraan banyak atau sedikit najis yang dimaafkan oleh syarak untuk dibawa dalam solat.

3. Tempoh pendek dan panjang bagi haid turut bergantung pada adat. Sebahagian wanita di suatu tempat mengalami haid dalam tempoh enam hari, sebahagian tempat pula mengalami haid sehingga 10 hari.

4. Kadar tempoh jarak dalam ijab dan *qabul* juga dirujuk pada adat. Hal ini kerana dalam ijab dan *qabul*, disyaratkan *muwalah* (berlaku secara berturut-turut tanpa selangan amalan lain), iaitu tidak berlaku jarak yang lama antara ijab dengan *qabul*.

5. Hadiah untuk hakim dianggap rasuah melainkan kebiasaan sebelum seseorang itu menjadi hakim, kita sering memberi hadiah kepadanya seperti hadiah hari lahir dan seumpamanya. Namun begitu, mengelakkan daripada memberi hadiah itu lebih baik.

Hukum-hakam fiqah yang berasaskan adat perlu diperhatikan oleh mufti atau kadi kerana sekiranya terdapat perubahan, sudah pasti fatwa dan hukum turut berubah.

***Furu'* Kaedah**

Terdapat beberapa kaedah yang terhasil daripada kaedah العَادَةُ مُحَكَّمَة:[16]

المَعْرُوْفُ عُرْفًا كَالمَشْرُوْطِ شَرْطًا

Ertinya: *"Sesuatu benda yang menjadi makruf, iaitu diamalkan sudah menjadi amalan seperti sesuatu yang disyarakkan."*

المَعْرُوْفُ بَيْنَ التُّجَّارِ كَالْمَشْرُوْطِ بَيْنَهُمْ

Ertinya: *"Sesuatu yang makruf dalam kalangan para peniaga diletakkan sebagai suatu perkara yang disyaratkan antara mereka."*

16 Muhammad Mustafha al-Zuhaili, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm. 81.

الحَقِيْقَةُ تُتْرَكُ بِدَلَالَةِ العَادَةِ

Ertinya: *"Sesuatu perkara yang bersifat hakikat tidak diamalkan apabila wujudnya dalil adat yang lebih diamalkan."*

الْإِشَارَةُ الْمَعْهُوْدَةُ لِلْأَخْرَسِ كَالبَيَانِ بِاللِّسَانِ

Ertinya: *"Isyarat yang difahami dilakukan oleh orang bisu seperti penerangan dengan lisan."*

الْمُمْتَنِعُ عَادَةً كَالْمُمْتَنِعِ حَقِيْقَةً

Ertinya: *"Sesuatu yang terhalang secara adat adalah seperti terlarang secara hakikat."*

لَا يُنْكَرُ تَغَيُّرُ الأَحْكَامِ بِتَغَيُّرِ الأَزْمَانِ

Ertinya: *"Tidak diingkari perubahan hukum dengan sebab perubahan zaman."*

إِنَّمَا تُعْتَبَرُ الْعَادَةُ إِذَا اطَّرَدَتْ أَوْ غَلَبَتْ

Ertinya: *"Adat itu dianggap sahih apabila pengamalannya bersifat berterusan atau bersifat majoriti."*

العِبْرَةُ لِلْغَالِبِ الشَّائِعِ

Ertinya: *"Pengiraan atau pengamalan dalam adat adalah untuk pengamalan yang banyak berlaku dan tersebar."*

كُلُّ اسْمٍ لَيْسَ لَهُ حَدٌّ فِي اللُّغَةِ أَوْ فِي الشَّرْعِ فَالمَرْجِعُ فِيْهِ إِلَى العُرْفِ

Ertinya: *"Semua nama yang tiada definisinya dalam bahasa Arab atau istilah syarak, maka rujukannya kembali uruf."*

Peringatan Penting

Semua isu yang dibahaskan di sini berkaitan dengan bahasa Arab, bukan bahasa Melayu dan sebagainya. Sekiranya berlaku sesuatu isu berkaitan dengan kaedah *uruf* dalam bahasa selain bahasa Arab, rujukannya kepada *uruf*, bukannya bahasa ajnabi. Al-Suyuti berkata:

إِنَّمَا يَتَجَاذَبُ الْوَضْعُ وَالعُرْفُ فِي العَرَبِيِّ أَمَّا الأَعْجَمِيُّ فَيُعْتَبَرُ عُرْفُهُ قَطْعًا إِذْ لَا وَضْعَ يُحْمَلُ عَلَيْهِ

Ertinya: *"Sesungguhnya berlaku tarikan pada peletakan bahasa dan uruf adalah kepada bahasa Arab, adapun bahasa bukan Arab, maka uruf yang dijadikan rujukan secara qati'e kerana tidak bahasa Arab yang ditafsirkan atas bahasa ajnabi."*[17]

17 Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Nazhair*, cetakan Darul Salam, (Beirut: Dar al-Fikr), hlm.

Percanggahan antara Syarak dengan *Uruf*

Apabila terdapat percanggahan secara zahir antara syarak yang bererti lafaz pada nas syarak dan *uruf*, perlu dilihat dari dua aspek:

Tidak wujud keterikatan hukum pada lafaz syarak seperti lafaz *al-lahm* dalam al-Quran. Kesannya, apabila seseorang itu bersumpah tidak mahu memakan daging, kemudian dia memakan ikan, hukumnya tidak melanggar sumpah kerana dari sudut *uruf*, ikan tidak dikategorikan sebagai daging.

Wujud keterikatan hukum pada lafaz syarak, ketika itu lafaz syarak diutamakan atas *uruf*. Contohnya, seseorang itu bersumpah tidak mahu menunaikan solat, dia tidak dianggap melanggar sumpah, melainkan dalam keadaan dia menunaikan solat yang mempunyai rukuk dan sujud dan rukun-rukun lain kerana istilah syariinya berlainan. Sekiranya dia berdoa semata-mata dalam keadaan sedemikian, dia tidak melanggar sumpah.

Alhamdulillah, telah selesai penulisan ringkas saya terhadap mukadimah kaedah *fiqhiyyah* dalam Mazhab Syafii pada tarikh 19 Disember 2020. Mudah-mudahan menjadi penutup yang baik kepada *al-Faqir* untuk tahun ini.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَسَلَّمَ

199.

SENARAI RUJUKAN

1. Al- Ghazali. (2007) *Khulasoh al-Mukhtasar wa Naqawah al-Mu'tashar*. Beirut: Dar al-Minhaj.

2. Al-Suyuti. (1958). *Al-Asybah wa al-Nazhair*. Cetakan Darul Salam. Beirut: Dar al-Fikr.

3. Al-Syatibi. (1977). *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Syari'ah* (Jilid 2). Al-Riyad al-Haditsah.

4. Hadis Riwayat al-Bukhari. no. 145

5. Ismail Muhammad Misy'al. (2007). *Atharul Khilaf al-Fiqhi fi al-Qawaid al-Mukhtalaf fiha*. Darul Salam.

6. Muhammad Mustafha al-Zuhaili. (2006). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al Mazahib al-Arba'ah*. Beirut:Dar al-Fikr.

7. Imam al-Suyuti. (2001). *Al asbah wa al naza ir fi qawaid wa furu fikh al-Syafiah*. Dar al-Kutub al-ilmiah.

8. Muhammad bin Ismail. (1998). *Sahih al-Bukhari*. al-Maktabah al-Iman.

9. Dr Saadudin Mus'ad Hilali. (2010). *Al-Basmah al-Wirathiqh wa ala iquha al-syariah*. Maktabah Wahbah.

MUKADIMAH KAEDAH FIQHIYYAH

Fauwaz Fadzil

ISBN 978-629-97076-4-6

MAIPs

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Blok A,
Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar, Perlis
Tel : 04-979 4428
Fax : 04-976 3844
www.mufti.perlis.gov.my

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
No. A2, Taman Pengkalan Asam,
Jalan Tuanku Syed Putra,
01000 Kangar, Perlis
Tel : 04-979 4439
Fax : 04-978 2400
www.maips.gov.my